



**Sahabat Alam Malaysia**  
**Friends of the Earth Malaysia**  
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia  
Tel No: +604 827 6930  
Fax No: +604 827 6932  
Email: foemalaysia@gmail.com  
<https://www.foe-malaysia.org>

Rujukan Kami: SAM/K/PL/Rec/21/MR  
Tarikh: 2 Februari 2021  
Email: [pdl@kedah.gov.my](mailto:pdl@kedah.gov.my)

Tuan Haji Ahmad Fuad bin Che Ani @ Abd Ghani  
Ketua Penolong Pegawai Daerah Kanan  
Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi  
Jalan Persiaran Putra  
07000 LANGKAWI  
Kedah

Tuan,

**Bantahan permohonan tanah kerajaan negeri Kedah  
oleh Langkasuka Land Sdn Bhd**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas, berikut dilampirkan bantahan Sahabat Alam Malaysia serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan individu lain.

Alasan-alasan bantahan kami adalah disertakan dalam dokumen kenyataan bantahan. Berdasarkan alasan-alasan tersebut dan untuk memastikan proses kepemerintahan yang baik, kami menyeru agar permohonan Langkasuka Land Sdn Bhd ini ditolak.

Tindakan wajar pihak Tuan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Meenakshi Raman  
Presiden  
Sahabat Alam Malaysia

sk. Yang Berhormat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Email: [suk@kedah.gov.my](mailto:suk@kedah.gov.my) [portalkedah@kedah.gov.my](mailto:portalkedah@kedah.gov.my),  
[korporatsuk@kedah.gov.my](mailto:korporatsuk@kedah.gov.my)

## **Bantahan permohonan tanah kerajaan negeri Kedah oleh Langkasuka Land Sdn Bhd**

### **Latar belakang**

1. Kami, yang terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang tersenarai di bawah, telah difahamkan bahawa satu permohonan telah pun dikemukakan oleh Langkasuka Land Sdn. Bhd. (syarikat tersebut) kepada kerajaan negeri Kedah untuk beberapa bidang tanah di Padang Matsirat iaitu di kawasan 'Break-Water', Kuala Muda, Kedah.
2. Tanah-tanah tersebut terdiri daripada PT 449 (Utara), Lot 60002/PT 17/Lot 1047/Lot 967 (Timur), Tanah Kerajaan (Laut) (Barat) dan Lot 60012 & PT 1298.
3. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah baru-baru ini telah mengeluarkan satu kenyataan yang memaklumkan bahawa sekiranya beliau tidak menerima sebarang bantahan yang munasabah berkenaan dengan permohonan tanah ini sebelum 3 Februari 2021, maka permohonan "tanah tersebut mungkin akan dibenarkan" kepada syarikat tersebut.

### **Bantahan-bantahan kami**

4. Kami mendapati bahawa permohonan syarikat tersebut ada berkaitan dengan projek penambakan laut seluas 1,979 ekar yang telah diumumkan oleh Menteri Besar Kedah baru-baru ini bersama Widad Business Group Sdn Bhd (WBG).
5. Sebarang permohonan tanah yang berkaitan dengan projek penambakan laut tersebut seharusnya tidak boleh dibenarkan kerana ianya adalah pramatang (premature) atas sebab ia masih lagi belum melalui proses undang-undang yang diperuntukkan.
6. Sebarang projek penambakan laut seluas ini wajib mendapatkan nasihat daripada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) (National Physical Planning Council) di bawah Seksyen 20B Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Untuk memperolehi nasihat MPFN tersebut, cadangan pembangunan (development proposal) tersebut bersama dengan laporan penilaian kesan sosial (social impact assessment) dan lain-lain laporan wajib disediakan terlebih dahulu.
7. Pada pandangan kami, laporan-laporan tersebut harus juga merangkumi Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Jadual Kedua (Environmental Impact Assessment Schedule 2), di mana penglibatan orang awam dan kelulusan Jabatan Alam Sekitar diperlukan.
8. Pada pandangan kami, undang-undang tersebut wajib dipatuhi dan penglibatan awam perlu dilakukan kerana projek penambakan laut dengan keluasan yang sedemikian rupa tentunya akan memberikan dampak negatif yang ketara kepada alam sekitar. Projek ini perlu mengambil kira pelbagai isu, termasuklah perubahan iklim, kesan-kesan ke atas ekosistem marin, sektor perikanan dan kesan-kesan sosio-ekonomi yang akan dihadapi oleh nelayan-nelayan pantai di Pulau Langkawi dan di kawasan sekitarnya.

9. Kesan buruk kepada ekonomi dan kewangan negeri Kedah harus juga diberi perhatian terutamanya industri pelancongan yang sedang mengalami kemerosotan teruk akibat dari pandemik Covid-19. Oleh yang demikian, amatlah penting bahawa sebelum projek ini diteruskan, analisa faedah dan kos (cost benefit analysis) yang terperinci dan proses ulasan orang awam wajib dilaksanakan terlebih dahulu. Ini akan menyelamatkan kerajaan negeri daripada mengambil sebarang keputusan yang akan memudaratkan ekonomi, kewangan dan alam sekitar negeri Kedah.
10. Tambahan pula, kita mesti mengambil iktibar daripada projek-projek penambakan laut besar-besaran yang telah gagal di negara-negara lain seperti di Timur Tengah.
11. Sekiranya permohonan ini dibenarkan tanpa pematuhan proses undang-undang dan penglibatan orang awam, tindakan tersebut boleh dianggap sebagai satu penyalahgunaan kuasa dan salah di sisi undang-undang.

### **Seruan/Tuntutan kami**

Berdasarkan perkara-perkara di atas, dan untuk memastikan proses pemerintahan yang baik, yang prihatin kepada pandangan rakyat, kami menyeru agar permohonan Langkasuka Land Sdn Bhd ini ditolak.



Meenakshi Raman  
Presiden  
Sahabat Alam Malaysia

bersama pertubuhan-pertubuhan dan individu-individu berikut:

#### **Pertubuhan-Pertubuhan**

1. Agora Society Malaysia
2. EMPOWER Malaysia
3. FLAG - Friends of Langkawi Geopark
4. KitaKitar
5. Majlis Muafakat Muslimah Masjid Kedah
6. Malaysian Nature Society Langkawi Branch
7. Penang Forum
8. Persatuan Luncur Udara Malaysia
9. Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING)

10. Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)
11. Persatuan Persaudaraan Muslimah Kedah
12. Persatuan Sahabat Wanita Selangor
13. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia – GRASS
14. Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam
15. Pertubuhan Pembangunan Komuniti dan Pembelajaran Berterusan
16. Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH)
17. Sahabat Alam
18. Sekretariat Gagasan Darul Aman
19. Suara Langkawi
20. SUARAM (Suara Rakyat Malaysia)
21. Teras Pengupayaan Melayu Kedah
22. The MareCet Research Organization
23. Treat Every Environment Special Sdn Bhd
24. Yayasan Aman Kedah

### **Individu-individu**

1. Norazian Mohd Zain
2. Suzieta Mohamad
3. Prof Robert Powell